



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, 2023

Tenaga buruh terus berkembang pada 2023, dengan kadar pengangguran yang lebih rendah iaitu 3.4 peratus dan trend guna tenaga yang positif

PUTRAJAYA, 30 Julai 2024 – Tenaga buruh terus berkembang pada 2023, dengan kadar pengangguran yang lebih rendah iaitu 3.4 peratus dan trend guna tenaga yang positif, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam siaran **Statistik Tahunan Tenaga Buruh, Malaysia, 2023**. Statistik itu memperihalkan situasi penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dijalankan oleh DOSM.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan bahawa ekonomi Malaysia pada 2023 kekal dengan pertumbuhan yang stabil, membawa kepada kedudukan pasaran buruh yang berdaya tahan didorong oleh permintaan domestik yang kukuh, peningkatan aktiviti pelancongan, pemulihan projek infrastruktur, pelaburan langsung asing yang berterusan, dan potensi peningkatan perdagangan luar. Pemulihan pertumbuhan ekonomi Malaysia telah membuka pelbagai prospek dan meningkatkan penyertaan dalam pasaran buruh. Oleh itu, ia menunjukkan trend guna tenaga yang positif dengan pengurangan bilangan pemberhentian pekerja dan pengangguran.

Melihat kepada prestasi keseluruhan pada tahun 2023, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan bahawa situasi pasaran buruh terus berkembang, dicerminkan oleh peningkatan bilangan tenaga buruh susulan kenaikan dalam guna tenaga, manakala bilangan penganggur terus menurun. Jumlah tenaga buruh pada tahun tersebut mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.8 peratus merekodkan 16.37 juta orang (2022^r: 15.77 juta orang). Justeru, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) yang lebih tinggi direkodkan pada 2023, meningkat sebanyak 0.7 mata peratus ke paras tertinggi yang baharu iaitu 70.0 peratus (2022^r: 69.3%).

Mengulas lebih lanjut mengenai kedudukan guna tenaga, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Bilangan penduduk bekerja terus berada dalam trend pertumbuhan positif, dengan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 4.3 peratus kepada 15.81 juta orang berbanding tahun sebelumnya (2022^r: 2.2%; 15.16 juta orang). Sejarar dengan itu, nisbah guna tenaga kepada penduduk, yang menunjukkan keupayaan sesebuah ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, kekal meningkat

sebanyak 1.1 mata peratus kepada 67.7 peratus (2022^r: 66.6%). Dari segi taraf pekerjaan, bilangan penduduk bekerja pada tahun 2023 terutamanya adalah disumbangkan oleh kategori pekerja, merangkumi 78.5 peratus. Kategori ini meningkat sebanyak 4.3 peratus merekodkan 12.42 juta orang (2022^r: 11.90 juta orang). Begitu juga, trend menaik dapat dilihat dalam kategori penduduk bekerja sendiri, yang meningkat sebanyak 5.2 peratus mencatatkan 2.38 juta orang (2022^r: 2.26 juta orang).”

Sebahagian besar penduduk bekerja di Malaysia berada di dalam kategori pekerjaan separuh mahir, merangkumi 57.2 peratus atau 9.05 juta orang. Pada masa yang sama, kategori pekerjaan mahir meliputi 30.4 peratus (4.81 juta orang), manakala 12.4 peratus lagi adalah dalam kategori pekerjaan berkemahiran rendah (1.96 juta orang). Mengikut sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terus merekodkan bilangan penduduk bekerja tertinggi, dengan peratus sumbangan sebanyak 65.8 peratus, diikuti oleh sektor Pembuatan dan Pertanian dengan masing-masing sebanyak 16.4 peratus dan 9.1 peratus. Pada masa yang sama, sumbangan guna tenaga dalam sektor Pembinaan adalah 8.1 peratus, manakala sektor Perlombongan & pengkuarian mencatatkan peratus sumbangan guna tenaga terendah iaitu pada 0.6 peratus.

Selanjutnya, melihat kepada kedudukan guna tenaga tidak penuh, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa bilangan penduduk bekerja yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu disebabkan oleh keadaan kerja mereka atau kerana kerja tidak mencukupi menurun dengan ketara sebanyak 29.3 peratus, mencatatkan 226.3 ribu orang (2022^r: 320.3 ribu orang). Sementara itu, peratus sumbangan mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu kepada jumlah penduduk bekerja merekodkan 1.4 peratus, berkurang sebanyak 0.7 mata peratus (2022^r: 2.1%). Oleh itu, bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan masa atau mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu dan mampu serta sanggup menerima tambahan bilangan jam turun sebanyak 37.7 peratus kepada 137.5 ribu orang, mencatatkan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa sebanyak 0.9 peratus (2022^r: 220.8 ribu orang; 1.5%).

Dimensi lain bagi guna tenaga tidak penuh adalah merujuk kepada mereka yang berpendidikan tertiar namun bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah, juga diklasifikasikan sebagai guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, merekodkan peningkatan sebanyak 1.5 peratus atau bersamaan dengan 30.4 ribu orang mencatatkan 2.03 juta orang. Peratus sumbangan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran turun sebanyak 1.0 mata peratus kepada 36.3 peratus berbanding tahun sebelumnya (2022^r: 2.00 juta orang; 37.3%).

Mengulas lebih lanjut mengenai situasi pengangguran pada tahun tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Kadar pengangguran pada tahun 2023 terus mengekalkan trend penurunan, berkurang sebanyak 0.5 mata peratus kepada 3.4 peratus berbanding tahun sebelumnya (2022^r: 3.9%), hampir kembali ke paras

prapandemik iaitu pada 3.3 peratus pada tahun 2019. Oleh itu, bilangan penganggur menurun sebanyak 9.9 peratus, walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding pertumbuhan dua angka pada tahun lalu, mencatatkan seramai 553.4 ribu orang (2022^r: -13.2%; 614.5 ribu orang). Mengikut kategori pengangguran, mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan atau penganggur aktif, meliputi 76.3 peratus daripada jumlah penganggur. Kategori ini berkurang sebanyak 12.3 peratus, kepada 422.4 ribu orang (2022^r: 481.8 ribu orang). Mengikut tempoh pengangguran bagi penganggur aktif, 56.6 peratus adalah mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala 6.4 peratus adalah mereka yang menganggur jangka panjang melebihi setahun. Begitu juga, penganggur tidak aktif atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, menurun sedikit iaitu sebanyak 1.2 peratus kepada 131.1 ribu orang (2022^r: 132.7 ribu orang)."

Pada tahun 2023, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun menurun sebanyak 1.0 mata peratus kepada 11.0 peratus, merekodkan bilangan penganggur belia seramai 297.0 ribu orang (2022^r: 12.0%; 301.2 ribu orang). Pada masa yang sama, kadar pengangguran bagi golongan dewasa berumur 25 hingga 64 tahun berkurang sebanyak 0.5 mata peratus kepada 1.9 peratus, dengan seramai 256.5 ribu penganggur (2022^r: 2.4%; 313.3 ribu orang).

Dari segi prestasi mengikut negeri, W.P. Putrajaya mencatatkan kadar pengangguran terendah iaitu pada 0.8 peratus diikuti oleh negeri Melaka (1.6%), Pahang (2.0%) dan Pulau Pinang (2.2%). Sebaliknya, semua negeri menyaksikan peningkatan dalam KPTB sepanjang tahun, menunjukkan lebih ramai penyertaan dalam pasaran buruh. W.P. Putrajaya mencatatkan KPTB tertinggi iaitu pada 78.6 peratus, diikuti negeri Selangor (77.4%), W.P. Kuala Lumpur (74.2%), Johor dan Pulau Pinang (71.3%). Melihat kepada KPTB mengikut jantina, lima negeri mencatatkan KPTB perempuan yang lebih tinggi daripada peringkat nasional pada 56.2 peratus iaitu W.P. Putrajaya (79.2%), Selangor (69.7%), W.P. Kuala Lumpur (66.5%), Melaka (58.0%) dan Pulau Pinang (57.4%).

Bagi kumpulan tidak aktif, bilangan penduduk di luar tenaga buruh pada tahun 2023 menurun sedikit iaitu sebanyak 0.04 peratus kepada 7.0 juta orang (2022^r: 7.0 juta orang). Komposisi terbesar luar tenaga buruh adalah disebabkan kerja rumah/ tanggungjawab keluarga dengan peratus sumbangan sebanyak 43.9 peratus dan diikuti oleh kategori bersekolah/ latihan (39.4%).

Merumuskan keseluruhan kedudukan tenaga buruh pada tahun 2023, normalisasi aktiviti ekonomi telah memberi impak positif kepada ekonomi Malaysia serta pasaran buruh. Prestasi ekonomi negara yang lebih baik disokong terutamanya oleh permintaan domestik yang stabil, peningkatan aktiviti pelancongan, pelaksanaan projek infrastruktur, aliran FDI yang mampan dan potensi pemulihan dalam perdagangan luar, yang membantu untuk mengekalkan peluang pekerjaan pada tahun tersebut. Oleh itu, kedudukan tenaga buruh yang stabil telah ditunjukkan pada

tahun 2023. Selari dengan prestasi ekonomi Malaysia yang kekal teguh berikutan peralihan ekonomi negara ke arah pertumbuhan yang lebih baik, kedudukan pasaran buruh dijangka kekal kukuh pada tahun 2024, mencerminkan keyakinan terhadap ekonomi walaupun berdepan cabaran global akibat ketegangan geopolitik yang berlanjutan.


Sebagai tambahan kepada keluaran hari ini, bermula dengan penerbitan Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, 2023, DOSM juga menerbitkan siri data semakan semula statistik utama tenaga buruh bermula tahun 2020 hingga 2022. Semakan semula ini adalah berdasarkan anggaran penduduk semasa Malaysia apabila data terkini Banci Penduduk dan Perumahan 2020 tersedia. Praktis penggabungan penanda aras populasi yang disemak semula ini dirujuk sebagai '*rebased*'.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Carta 1: Tenaga buruh and KPTB, Malaysia, 1982 - 2023



Carta 2: Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, Malaysia, 1982 - 2023



Carta 3: Bilangan penganggur dan kadar pengangguran, Malaysia, 1982 - 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
30 JULAI 2024**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA, 2023

The labour force further expanded in 2023, with a lower unemployment rate of 3.4 per cent and a positive trend of employment

PUTRAJAYA, 30 July 2024 – The labour force further expanded in 2023, with a lower unemployment rate of 3.4 per cent and a positive trend of employment, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Annual Statistics of the Labour Force, Malaysia, 2023**. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that Malaysia's economy in 2023 sustained steady growth, leading to a resilient labour market situation driven by strong domestic demand, increasing tourism activities, the revival of infrastructure projects, continuous foreign direct investment, and a potential upturn in external trade. The recovery of Malaysia's economic growth has opened up various prospects and increased participation in the labour market. Thus, indicating a positive trend of employment with a reduction in the number of layoffs and unemployment.

Looking at the overall performance for 2023, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained that the labour market condition further expanded, reflected by the increasing number of labour force following the rise in employment, while the number of unemployed persons continued to decline. The total labour force during the year posted a growth of 3.8 per cent to record 16.37 million persons (2022^r: 15.77 million persons). Therefore, a higher labour force participation rate (LFPR) was recorded in 2023, increasing by 0.7 percentage points to a new highest level at 70.0 per cent (2022^r: 69.3%).

Commenting further on the employment situation, Chief Statistician Malaysia said, "The number of employed persons continued to be on a positive growth trend, with a year-on-year increase of 4.3 per cent to 15.81 million persons as compared to the previous year (2022^r: 2.2%; 15.16 million persons). In line with this, the employment-to-population ratio, which indicates the ability of an economy to create employment, remained to trend up by 1.1 percentage points to 67.7 per cent (2022^r: 66.6%). In terms of status in employment, the number of employed persons in 2023 was mainly contributed by the employees' category, accounting for 78.5 per cent. This category went up by 4.3 per cent recording 12.42 million persons (2022^r: 11.90 million persons). Similarly, an upward trend was observed in the own-account workers category, which

increased by 5.2 per cent registering 2.38 million persons (2022^r: 2.26 million persons).”

Most of the employed persons in Malaysia were in the semi-skilled occupations category, encompassing 57.2 per cent or 9.05 million persons. In the meantime, the skilled occupations category comprised 30.4 per cent (4.81 million persons), while the remaining 12.4 per cent was in the low-skilled occupations category (1.96 million persons). By economic sector, the Services sector continued to record the highest number of employed persons, with a share of 65.8 per cent, followed by the Manufacturing and Agriculture sectors with 16.4 per cent and 9.1 per cent, respectively. On the same note, the share of employment in the Construction sector was 8.1 per cent, whereas the Mining & quarrying sector registered the smallest share of employment at 0.6 per cent.

Additionally, looking at the underemployment situation, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that the number of employed persons who worked less than 30 hours per week because of the nature of their work or due to insufficient work significantly dropped by 29.3 per cent, posted 226.3 thousand persons (2022^r: 320.3 thousand persons). Meanwhile, the percentage share of those working less than 30 hours per week to the total employed persons recorded at 1.4 per cent, reduced by 0.7 percentage points (2022^r: 2.1%). Accordingly, the number of time-related underemployment or persons who worked less than 30 hours per week and were able and willing to work additional hours fell by 37.7 per cent to 137.5 thousand persons, registering a time-related underemployment rate of 0.9 per cent (2022^r: 220.8 thousand persons; 1.5%).

Another dimension of underemployment related to those with tertiary education but working in semi-skilled and low-skilled occupations, also classified as skill-related underemployment, recorded an increase of 1.5 per cent or equivalent to 30.4 thousand persons, to post 2.03 million persons. The share of skill-related underemployment decreased by 1.0 percentage points to 36.3 per cent as compared to the previous year (2022^r: 2.00 million persons; 37.3%).

Explaining further on the unemployment situation during the year, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The unemployment rate in 2023 continued its downward trend, lessened by 0.5 percentage points to 3.4 per cent as compared to the previous year (2022^r: 3.9%), almost returning to the pre-pandemic level of 3.3 per cent in 2019. Subsequently, the number of unemployed persons decreased by 9.9 per cent, albeit at a slower pace as compared to double-digit growth in the last year, registering 553.4 thousand persons (2022^r: -13.2%; 614.5 thousand persons). By the unemployment category, those who were available for work and were actively seeking jobs or the actively unemployed, made up 76.3 per cent of the total unemployed persons. This category edged down by 12.3 per cent, reaching 422.4 thousand persons (2022^r: 481.8 thousand persons). By duration of unemployment for the actively unemployed, 56.6 per cent were those who were unemployed for less than three months, whereas 6.4 per cent were those who were in long-term unemployment

for more than a year. Likewise, the inactively unemployed or those who believed that there were no jobs available, slightly declined by 1.2 per cent to 131.1 thousand persons (2022^r: 132.7 thousand persons)."

In 2023, the unemployment rate for youth aged 15 to 24 years declined by 1.0 percentage points to 11.0 per cent, recording the number of unemployed youths at 297.0 thousand persons (2022^r: 12.0%; 301.2 thousand persons). On the same note, the unemployment rate for adults aged 25 to 64 years decreased by 0.5 percentage points to 1.9 per cent, with 256.5 thousand unemployed persons (2022^r: 2.4%; 313.3 thousand persons).

In terms of the performance by state, W.P. Putrajaya registered the lowest unemployment rate at 0.8 per cent followed by Melaka (1.6%), Pahang (2.0%) and Pulau Pinang (2.2%). On the other hand, all states saw a rise in LFPR throughout the year, indicating more people participating in the labour market. W.P. Putrajaya recorded the highest LFPR at 78.6 per cent, followed by Selangor (77.4%), W.P. Kuala Lumpur (74.2%), Johor and Pulau Pinang (71.3%). Looking at the LFPR by sex, five states registered higher female LFPR than the national level at 56.2 per cent namely W.P. Putrajaya (79.2%), Selangor (69.7%), W.P. Kuala Lumpur (66.5%), Melaka (58.0%) and Pulau Pinang (57.4%).

As for the inactivity group, the number of persons outside the labour force in 2023 declined marginally by 0.04 per cent to 7.0 million persons (2022^r: 7.0 million persons). The largest composition of the outside labour force was due to the housework/ family responsibilities with a share of 43.9 per cent and followed by schooling/ training category (39.4%).

Concluding the overall labour force situation in 2023, the normalisation of economic activities has had a positive impact on Malaysia's economy as well as the labour market. The healthier performance of the country's economy was mainly supported by stable domestic demand, increased tourism activities, the implementation of infrastructure projects, sustained FDI flows and a potential turnaround in external trade, which helped to sustain job opportunities during the year. Therefore, a steady labour force situation was portrayed in 2023. In line with Malaysia's economic performance, which remains robust following the transition of the country's economy towards better growth, the position of the labour market is expected to remain strong in 2024, reflecting confidence in the economy despite facing global challenges due to ongoing geopolitical tensions.

In addition to today's release, beginning with the release of Labour Force Survey Report, Malaysia, 2023, DOSM also published the revision of the principal statistics of labour force data series from 2020 to 2022. The revision is based on the current population estimates of Malaysia when the most recent Population and Housing Census data of 2020 is available. The practice of incorporating revised population benchmarks is referred to as 'rebasings'.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides catalogue data and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Labour force and LFPR, Malaysia, 1982 - 2023




Chart 2: Employed persons and employment-to-population ratio, Malaysia, 1982 - 2023





Chart 3: Unemployed persons and unemployment rate, Malaysia, 1982 - 2023



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
30 JULY 2024**